KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH AHAD			
TARIKH	:	10/10/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	KeTSA/ JPSM			

Warta hutan simpan kekal baharu di Mukim Petaling

BH Ahad,10 Okt 2021_16

Lokasi sekitar Sungai Besi ganti kawasan Bukit Sungei di Mukim Cheras

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan mewartakan kawasan seluas 23.83 hektar di Mukim Petaling dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai hutan simpan kekal baharu di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313).

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata ini dilakukan menerusi siaran Warta Kerajaan Persekutuan P.U.(B) 495/2021 bertarikh semalam.

Dengan pewartaan itu, beliau berkata, hutan berkenaan dikenali sebagai Hutan Simpan Sungai Besi (Tambahan) bagi menggantikan kawasan Hutan Simpan Bukit Sungei, Mukim Cheras di ibu negara yang diwarta keluar untuk pembangunan lebuh raya.

"Hutan simpan kekal ini diwartakan sebagai hutan perlindungan dan dikelaskan sebagai hutan penyelidikan, hutan lipur dan hutan pelajaran di bawah subseksyen 10 (1) dan diisytiharkan sebagai hutan tertutup di bawah seksyen 45 Akta 313.

"Hutan simpan kekal di Wilayah Persekutuan terletak di bawah bidang kuasa menteri yang bertanggungjawab bagi perhutanan, iaitu Menteri Tenaga dan Sumber Asli selaras dengan seksyen 2 dan seksyen 114 (Jadual Kelima) Akta 313 dan dibaca bersama Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Ubah Suaian Akta Perhutanan Negara 1984) 2017 [P.U.(A) 450/2017] dan Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Ubah Suaian Akta Perhutanan Negara 1984) 2017 [P.U.(A) 451/2017].

"Pengurusan hutan simpan kekal di Wilayah Persekutuan dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan.

"Pewartaan Hutan Simpan Sungai Besi (Tambahan) yang juga jenis hutan dipterokarpa tanah pamah menggantikan kawasan Hutan Simpan Bukit Sungei Puteh, Mukim Cheras, Kuala Lumpur seluas 7.48 hektar yang diwarta keluar bagi pembangunan Lebuh Raya Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE) melalui siaran Warta Kerajaan Persekutuan P.U.(B) 494/2021 pada tarikh sama," katanya dalam kenyataan, semalam.

Pengumuman itu dibuat sempena Program Penghijauan Malaysia yang berlangsung di Putrajaya, semalam.


ALAM SEKITAR

4 HSK sekitar Kuala Lumpur bakal lenyap

Keratan akhbar BH 2016.

Sebelum pewartaan ini, Takiyuddin berkata, hutan simpan kekal di Kuala Lumpur seluas 68.27 hektar bersamaan 0.28 peratus daripada keluasan tanah meliputi Hutan Simpan Bukit Nanas seluas 9.37 hektar, Hutan Simpan Bukit Sungei Puteh (14.51 hektar), Hutan Simpan Sungai Besi (42.29 hektar) dan Hutan Simpan Bukit Lagong Tambahan (2.10 hektar).

Beliau berkata, keluasan Hutan Simpan Sungai Besi (Tambahan) yang diwartakan lebih besar daripada Hutan Simpan Sungei Puteh yang diwarta keluar.

"Penggantian hutan simpan kekal secara serentak ini meningkatkan kawasan hutan di Kuala Lumpur kepada 0.35 peratus daripada keluasan tanah Kuala Lumpur.

"Pewartaan ini juga mewujudkan kompleks Hutan Simpan Sungai Besi-Hutan Simpan Sungai Besi (Tambahan) seluas 66.12 hektar mewakili 78.13 peratus daripada keseluruhan kawasan hutan simpan kekal di Kuala Lumpur yang berperanan sebagai 'green lung' bagi bandar raya.

"Proses pewartaan keluar dan penggantian hutan simpan kekal secara serentak yang berlaku ini selaras dengan hasrat dan cadangan pindaan Akta 313 yang sedang diusahakan oleh Kerajaan Persekutuan sebagai manifestasi komitmen untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada kawasan tanah negara sebagai kawasan berhutan dan dilitupi pokok," katanya.

> Hutan dikenali sebagai Hutan Simpan Sungai Besi (Tambahan) menggantikan kawasan Hutan Simpan Bukit Sungei, Mukim Cheras di ibu negara yang diwarta keluar untuk pembangunan lebuh raya



Takiyuddin Hassan, *Menteri Tenaga dan Sumber Asli*